



ANUGERAH....Sharif (lima kanan), Danial (tiga kiri), Ismail (kanan) dan Ag Asri (empat kanan) bersama pemenang Anugerah Emas, Perak dan Gangsa sempena Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013.

UMSKAL anjur Malam Penghargaan Graduan

NBT 8.11.13 9

LABUAN : Universiti Malaysia Sabah, Kampung Antarakabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan Majlis Penghargaan Graduan (MPG) sebagai pengiktirafan bagi meraikan kejayaan mahasiswa yang berjaya menamatkan pengajian mereka.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Prof Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah sempena Majlis Konvensyen UMS ke-15 di Rose Garden, Magellan Sutera Harbour, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Ketika berucap di dalam majlis itu, beliau berkata sebagai seorang pelajar, mereka hendaklah bersungguh-sungguh berusaha mencari peluang untuk memajukan dan melengkapkan diri dengan ilmu akademik masing-masing.

Beliau juga turut mengucapkan terima kasih atas sokongan dan sumbangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan serta penaja yang bersama-sama menjayakan Majlis Penghargaan Graduan 2013.

Seterusnya, Dr Shariff tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada ibu bapa yang banyak memberikan sokongan dan galakan atas kejayaan anak-anak mereka.

"Teruskan tekad untuk mengejar kecermerlangan dan junjunglah nama UMS dan sentiasalah mengenang jasa bakti ibu dan bapa yang banyak berkorban selama ini," katanya.

Pada majlis itu, pelajar program Kewangan Islam, SPKAL, Nursafraa Aziz dinobatkan sebagai penerima Anugerah Emas dengan membawa balik wang tunai sebanyak RM4,500 dan sijil penghargaan.

Nursafraa yang berada di China diwakili ibunya menerima anugerah daripada Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Danial Mah Abdullah yang mewakili Ketua Pengarahan, Ahmad Hizzad Baharudin.

Penerima Anugerah Perak pula dimenangi pelajar program Perbankan Antarabangsa Luar Pesisir SPKAL, Pooi Jun Jin yang menerima RM3,500 dan sijil manakala pelajar E-Dagang, SSIL, Chua Xin Yi dipilih pemenang Anugerah Gangsa untuk meraih RM2,000 dan sijil penghargaan.

Wang tunai tersebut disumbangkan oleh Labuan FSA sebagai penaja berlian Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013.

Manakala Anugerah Terbaik Labuan yang disumbangkan oleh Petronas Chemicals Methanol Labuan dimenangi pelajar program Ekonomi Kewangan Antarabangsa, Jennifer Voon Mei Ying yang berasal dari Kampung Sungai Keling.

Anugerah ini dianugerahkan kepada pelajar terbaik di antara kedua-dua sekolah dan pelajar tersebut merupakan graduan yang berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut menerima anugerah ialah 25 pelajar terbaik dari sekolah SPKAL dan SSIL.

Pada tahun ini seramai 579 mahasiswa dari UMSKAL dianugerahkan ijazah dalam bidang masing-masing berbanding 561 orang pada 2012 sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-15 di Dewan Canselor UMS.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim selaku pengurus pengaruh dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainal Abidin serta Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemicals Methanol Sdn Bhd Lukas Takip, Pengarah Eksekutif Noblehouse International Trust Ltd Chin Vui Chung dan Pengurus TMF Trust Labuan Ltd Anne Chung. -OLEH JAINUDIN DJIMIN jainudin@newsabahtimes.com.my